

01/02/2001

Tiada isu serius boleh gugat BN Sarawak

Misiah Taib

TARIKH sebenar pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak bagi membolehkan pilihan raya umum negeri kelapan diadakan, masih menjadi teka-teki meskipun bahangnya sudah mula terasa di Bumi Kenyalang.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, sendiri belum mahu memberikan gambaran konkrit mengenai bila beliau akan membubarkan DUN kecuali berulang kali menjawab beliau belum mendapat ilham.

Mungkinkah pilihan raya kali ini diadakan lebih awal berbanding pada 1996 apabila ia diadakan tiga bulan sebelum tempoh kerajaan tamat - tempoh paling hampir dalam sejarah pilihan raya Sarawak?

Ini kerana pada pilihan raya umum negeri sebelumnya, pilihan raya selalunya diadakan setahun lebih awal dan pilihan raya negeri keenam pula diadakan 10 bulan lebih awal.

Semua tahu bahawa tempoh kerajaan sekarang akan tamat September ini dan pilihan raya perlu diadakan dalam tempoh dua bulan selepas itu.

Menurut Pegawai Pilihan Raya negeri, Wan Alwi Tuanku Datuk Wan Hashim, pilihan raya umum negeri Sarawak kelapan perlu diadakan sebelum 18 November 2001.

Sejak Jun tahun lalu lagi, pemerhati politik mula membuat spekulasi mengenai tarikh pilihan raya negeri Sarawak. Malah, ada yang pada awalnya meramalkan ia akan diadakan sebelum Ramadan yang disambut pada 27 November tahun lalu, namun jangkaan itu jelas meleset.

Ramalan terkini ialah ia akan diadakan April ini, iaitu selepas kemuncak sambutan ulang tahun ke-40 Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) serta ulang tahun ke-20 Taib sebagai Ketua Menteri yang akan diraikan 26 Mac ini.

Namun, ada juga kalangan pemerhati politik beranggapan ia mungkin diadakan lebih awal dan kemuncak sambutan berkenaan akan dijadikan hari untuk meraikan kemenangan Barisan Nasional (BN).

Apa pun, hanya Taib selaku Pengerusi BN negeri yang tahu bila masa paling sesuai untuk beliau membubarkan DUN dan kembali kepada rakyat.

Berdasarkan daftar pemilih terkini Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) pada 21 Disember 2000, seramai 861,377 pemilih berdaftar di Sarawak akan memilih 62 wakil rakyat mereka ke DUN, sekali gus menentukan hala tuju masa depan lebih 2 juta penduduk Sarawak bagi tempoh lima tahun lagi.

Jumlah ini meningkat 47,030 orang, berbanding 814,347 pemilih berdaftar yang layak mengundi pada pilihan raya umum negeri pada 1996.

Dengan rekod pemerintahannya dan penerimaan rakyat terhadap dasar politik pembangunan yang dipelopori Taib, BN dijangka tidak menghadapi masalah untuk kembali berkuasa.

Ini memandangkan pilihan raya kali ini diadakan ketika keadaan politik dan ekonomi Sarawak cukup mantap dan BN juga tidak menghadapi sebarang ancaman serius parti pembangkang.

Persoalannya sekarang ialah dari segi majoriti yang bakal diperoleh setiap calon. Mampukah calon BN meningkatkan jumlah majoriti yang pernah diperoleh pada 1996 atau sekurang-kurangnya mengekalkan majoriti berkenaan?

Ini memandangkan pembangkang sudah mula 'mencucuk jarum' dalam kempen memburuk-burukkan kerajaan sejak tahun lalu lagi.

Malah, ramai pemimpin pembangkang pada peringkat pusat turut campur tangan dan 'turun padang' di Sarawak sejak tahun lalu untuk meraih sokongan pengundi.

Agak menyedihkan, ada segelintir golongan, termasuk di kalangan masyarakat Melayu sudah mula terpengaruh dengan dakwah pembangkang berkenaan.

Isu tanah, terutama tanah Hak Adat Bumiputera (NCR), yang memang popular di Sarawak dan isu menghentam individu tertentu, menjadi fokus utama pembangkang.

Isu seperti ini dianggap sudah lapuk dan kerajaan BN juga sudah bersiap sedia untuk menangkis propaganda pembangkang berhubung isu berkenaan, berserta bukti betapa kerajaan tidak pernah merampas tanah rakyat sesuka hati, selain kejayaan projek pembangunan tanah NCR yang dilaksanakan setakat ini.

Pada pilihan raya 1996, pembangkang pernah menjaja 'isu Bakun' sebagai modal mereka dan isu berkenaan juga dianggap cabaran paling hebat bagi kerajaan BN pada waktu itu.

Namun, jelas rakyat Sarawak sudah cukup matang untuk menilai antara fakta dan pembongkaran sehingga taktik pembangkang yang memutarbelitkan fakta mengenai isu Bakun, gagal mempengaruhi mereka.

Akhirnya, apabila keputusan pilihan raya umum negeri 1996 diketahui pada 8 September 1996, BN menang besar dengan meraih 57 daripada 62 kerusi yang dipertandingkan.

Tiga kerusi dimenangi DAP dalam pilihan raya itu, iaitu DUN Kidurong, Bukit Assek dan Pelawan, manakala dua kerusi dimenangi calon bebas, iaitu Telang Usan dan Meradong.

Namun, dalam pilihan raya kecil pada Oktober 1997, BN berjaya merampas semula kerusi DUN Kidurong daripada tangan DAP apabila calonnya, Michael Sim Hui, memperoleh 5,723 undi mengalahkan calon DAP, Wong Sing Ai, yang mendapat 5,339 undi.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan Mahkamah Pilihan Raya Miri pada 12 September 1997, memutuskan pemilihan Wong dalam pilihan raya negeri 7 dan 8 September 1996, tidak sah mengikut Seksyen 36, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Ini bermakna BN Sarawak menyandang 93 peratus atau 58 daripada 62 kerusi DUN Sarawak sekarang.

Bagaimanapun, pada pilihan raya Parlimen tahun lalu, majoriti BN Sarawak di beberapa kawasan, terutama kawasan Melayu, agak merosot meskipun ia berjaya membolot semua 28 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

Antara faktor yang dikenal pasti menjadi punca kemerosotan itu adalah pembongkaran pembangkang yang memutarbelitkan fakta mengenai projek pembangunan kerajaan, terutama berhubung isu tanah.

Ada segelintir rakyat di Sarawak yang 'termakan' hasutan pembangkang dan bibit perpecahan di kalangan masyarakat Melayu akibat perbuatan pembangkang itu memang sudah mula nampak pada pilihan raya Parlimen lalu.

Tidak hairanlah dalam acara rasmi yang dihadirinya sejak kebelakangan ini, Taib sering menyentuh soal perpaduan Melayu, malah mengingatkan mereka bahawa jika 100 peratus pun undi Melayu diberikan kepada pembangkang, mereka tetap tidak dapat berkuasa.

Ini memandangkan hanya 37 peratus atau 23 daripada 62 kerusi diwakili calon Melayu di Sarawak sekarang.

Sebagai golongan minoriti di negeri yang mempunyai lebih 30 suku etnik, masyarakat Melayu di Sarawak tidak seharusnya memandang peringatan itu satu ancaman, sebaliknya harus melihatnya dari sudut positif.

Ia adalah teguran ikhlas dan telus daripada Ketua Menteri demi masa depan masyarakat Melayu di negeri itu kerana perpecahan hanya akan merugikan mereka.

Apa pun, kali ini tidak ada tokoh pembangkang yang benar-benar menonjol yang dijangka mampu menggugat Taib selaku peneraju kerajaan.

Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha, bekas Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Pertahanan, adalah satu-satunya tokoh yang telah terang-terangan menyuarakan kesediaannya menentang Taib.

Tetapi siapakah Abang Abu Bakar berbanding Taib di mata rakyat Sarawak? Kedua-duanya pernah berada dalam parti sama, iaitu Taib selaku Presiden PBB, sedang Abang Abu Bakar pula pernah menjadi timbalannya, sebelum tewas kepada Datuk Abang Johari Tun Openg, dalam pertandingan tiga penjurua pada perhimpunan agung parti pada 1998.

Abang Abu Bakar tidak lagi berada dalam Kabinet Pusat selepas namanya digugurkan daripada bertanding dalam pilihan raya Parlimen tahun lalu dan tempatnya digantikan oleh Datuk Mohd Effendi Norwawi, yang kini dilantik Menteri Pertanian.

Mungkin kerana kecewa dengan penyingkirannya daripada senarai calon tahun lalu dan berikutan kekalahannya dalam pemilihan PBB pada 1998, beliau memilih untuk mengubah haluan dan kini berjuang kononnya atas nama 'Umno'.

Namun, meskipun menggunakan nama 'Umno', perjuangan Abang Abu Bakar tidak mendapat restu pemimpin Umno Pusat. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sendiri telah banyak kali menyuarakan betapa Umno tidak akan ke Sarawak selagi kerajaan BN yang ada di negeri itu sekarang cukup mantap dan diterima rakyat.

Gandingan PBB, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dalam parti komponen negeri itu, selama ini mendapat mandat dan diterima rakyat Sarawak daripada pelbagai kaum dan keturunan.

PBB kini mewakili 29 daripada kerusi DUN Sarawak, diikuti SUPP yang mempunyai 14 kerusi, PBDS lapan kerusi dan Snap tujuh kerusi.

Kini, terserah kepada rakyat Sarawak sendiri, terutama 861,377 pemilih berdaftar, untuk menentukan masa depan mereka apabila pilihan raya negeri diadakan nanti.

Pembangkit pasti akan membangkitkan pelbagai isu untuk meraih simpati pengundi, namun pengundi sendiri perlu menggunakan akal dan fikiran untuk menilai antara kaca dan permata.

(END)